

08 DEC 2000

Kambing

N.SEMBILAN GALAK TERNAKAN KAMBING SECARA BERSEPADU

REMBAU, 8 Dis (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sembilan menggalakkan penternakan kambing secara bersepadu ke arah meningkatkan keluaran daging dan susunya, dan sedia memberi bantuan khidmat nasihat kepada para pengusaha.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini berkata penternakan secara bersepadu akan dapat memastikan ternakan dijaga lebih baik yang seterusnya akan dapat memberikan pulangan lebih tinggi.

Pada tahun lepas terdapat 18,816 ekor kambing ditanak di Negeri Sembilan tetapi lebih 90 peratus daripadanya dipelihara secara tradisional di kampung-kampung.

"Ladang-ladang besar perlu mengambil peluang supaya kawasan ladang mereka boleh dijadikan sebagai tempat ternakan kambing secara bersepadu," katanya kepada pemberita selepas melawat projek ternakan kambing secara bersepadu di Pedas Tengah, dekat sini yang diusahakan oleh Edward Bala.

Bala yang mengusahakan ternakan itu pada tahun 1997 di kawasan seluas lapan hektar mempunyai 150 ekor kambing jenis Boer yang diperolehi dari Afrika Selatan yang ditanak untuk daging, dan 50 ekor kambing jenis Saanen yang diperolehi dari New Zealand yang ditanak untuk susunya.

Kambing jensi Boer dan Saanen itu dikacuknya dan kini beliau mempunyai kira-kira 30 ekor kambing kacukan yang diberi nama Saaboers. Bala turut menternak lembu, ikan air tawar dan menanam sayur secara hidroponik.

Mohamed Isa juga berkata kerajaan negeri akan terus mempertingkatkan pengawasan bagi memastikan isu-isu agama tidak dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu untuk tujuan politik mereka.

Katanya jika isu-isu agama dikelirukan, akan wujud perpecahan di kalangan umat Islam.

Beliau berkata mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia di Putrajaya yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, mahu kerajaan-kerajaan negeri memastikan isu agama tidak dipolitikkan.

Mohamed Isa berkata kerajaan Negeri Sembilan akan memastikan tidak wujud sebarang bentuk ajaran sesat di negeri itu.

-- BERNAMA

AZ MAI